

Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

• BIL 4/2002 • 22 Rejab - 23 Syawal/Okt-Dis 2002 •

Edaran PERCUMA •

MAJLIS JAMUAN HARI RAYA BERSAMA KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Setelah berlalunya Ramadhan, bulan yang bukan sahaja penuh dengan keberkatan dan limpahan rahmat bahkan penuh dengan cabaran dan dugaan terhadap kita semua. Kita dituntut untuk berpuasa yang bukannya sekadar berlapar dahaga sebaliknya dituntut agar lebih tegar untuk menewaskan tuntutan nafsu serakah. Menggunakan akal sebagai anugerah Allah demi mempertingkatkan ketakwaan dan mendapat keredhaan serta ganjaran Allah yang berganda.


Syawal bukan sekadar menjengah, tetapi membela dan mengulit dengan penuh hangat dan meriah sebagai tanda kemenangan kita mengakhiri Ramadhan dengan sempurna.

Tanggal 14 Syawal 1423 bersamaan 19 Disember 2002, Majlis Jamuan Hari Raya bersama Ketua Eksekutif Kumpulan telah diadakan. Rumah terbuka berkoncepcian Food Fiesta telah menjadi pilihan. Mencari kelainan dengan persekitaran dan mood raya yang lively dan santai tentunya Ruang Legar Bangunan PKINK di Tingkat 2 menjadi venue pilihan. Dihias indah seremang pelangi petang, suasana majlis tampak lebih ceria dengan kehadiran anggota-anggota dengan berbaju melayu dan berbaju raya. Bahkan kehadiran anak-anak anggota menjadikannya lebih meriah.

Seramai lebih 1,000 orang tetamu dan jemputan termasuk YAB. Tuan Guru Dato Menteri Besar, YB Dato Timbalan Menteri Besar, Ahli-Ahli Exco Kerajaan dan Ketua-Ketua Jabatan telah hadir memeriahkan majlis. Kehadiran tetamu bukanlah sekadar menikmati juadah yang terhidang memandangkan majlis ini sememangnya satu peluang keemasan untuk berkenal mesra, bertanya khabar dan berkirim salam kepada yang tidak berkesempatan hadir.

Pada majlis yang sama, YAB. Tuan Guru Dato Menteri Besar selaku tetamu kehormat telah sudi menyampaikan cenderahati kenangan kepada lapan orang anggota PKINK yang telah bersara. Mereka semua diraikan pada majlis ini sebagai tanda menghargai khidmat dan jasa bakti mereka kepada PKINK.

Kemeriah dan keharmonian majlis sebagai sebuah keluarga yang berlangsung dari jam 10.30 pagi hingga 3.00 petang seolah-olah tiada akhirnya. Pada kesempatan ini, YABrs. Tuan Hj. Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan



mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Baatin kepada semua. Kalau ada umur dan ada rezeki tahun depan kita kembali berjumpa. Insya-Allah.

ISSN 0127-3264

Dari Editor

Sebagai insan normal, kita telah diberikan mandat dan tanggungjawab yang perlu dilunaskan dengan sebaik-baiknya. Apapun keadaannya, senario dan realiti yang kita perlu hadapi dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut begitu mencengkam. Kita sering mengeluh dan bergelut dengan masa yang sentiasa berputar bahkan putarannya tak pernah ada noktah. Sebagai manusia, kita komited dengan keperluan sendiri dan sebagai anggota kita komited dengan organisasi yang kita anggotai. Dalam memenuhi komitmen tersebut, kita perlu bijak menguruskan masa sejajar dengan keperluan mengikut keutamaan di mana segala yang penting kita perlu dahulukan.

Kita perlu berdayausaha untuk memanipulasikan masa kerana ianya sentiasa terbatas. Sekiranya kita gagal menangani sebarang masalah yang cukup remeh kerana tidak mampu menepati masa nescaya kredebiliti kita untuk masa panjang akan turut terjejas. Sebarang tugas dan tanggungjawab yang tertangguh akan menjadi satu bebanan yang akan berakhir dengan keluhan memanjang.

Sebagai individu dan juga sebagai anggota PKINK, kita perlu peka dengan tuntutan masa. Sesungguhnya kita akan sentiasa rugi apabila sesuatu peluang keemasan terlepas begitu saja. Setiap detik yang berlalu tidak akan berulang menunggu usia kita bahkan ianya tak akan dapat ditebus sampai bila-bila. Rugikan ?

Renungi dan hayatilah

Sidang Editor

Penaung

Tuan Haji Hanifa Ahmad

Ketua Editor

Tuan Haji Wan Adnan Wan Ab. Kadir

Editor

Tuan Haji Baharuddin Harun

Penolong Editor

Encik Ahmad Nazri Hj. Ismail

Encik Mohd Adilan Mat Jusoh

Puan Ahlaami Haji Ab. Halim

Puan Nik Farzimar Nik Omar

Encik Wan Azizan Wan Yaakub

YM Tengku Petra Tengku Wook

Encik Mohd Ramli Haji Hamzah

Jurufoto

Encik Mohd Ghazali Mahmood



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan,

Tingkat 8 — 1, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharani,

Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan,

Dicetak oleh:

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

5169-F, Jalan Kuala Krai,

15050 Kota Bharu, Kelantan,

Tel: 09-7485687

Faks: 09-7485687

A-RAHN BUKA CAWANGAN DI PASIR MAS

Pusat Gadaian Islam Ar-Rahn yang diuruskan oleh Permodalan Kelantan Berhad (PKB) telah membuka cawangan baru di Pasir Mas. Cawangan baru ini merupakan cawangan yang kelima selepas dua cawangan di Kota Bharu dan masing-masing satu di Tanah Merah dan Rantau Panjang.

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Tuan Hj. Hanifa B. Ahmad berkata penubuhan dan pembukaan Ar-Rahn yang mengendalikan pajak gadai mengikut syariat Islam bukanlah bermotifkan keuntungan. Mengenepikan urusniaga yang berkonsepkan riba, perkhidmatan yang disediakan oleh Ar-Rahn lebih menjurus kepada penyediaan kemudahan untuk pelanggan terutamanya kepada peniaga-peniaga kecil yang memerlukan modal pusingan segera sedangkan ianya agak sukar untuk dipinjam dari bank-bank atau institusi kewangan. Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Perasmian Pusat Gadaian Islam Ar-Rahn cawangan Pasir Mas yang telah disempurnakan oleh YAB. Tuan Guru Dato Hj. Nik Abdul Aziz b. Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada 1 Syaaban 1423 bersamaan 8 Oktober 2002.

YAB. Dato Menteri Besar berkata pembukaan cawangan Pasir Mas dengan secara langsung telah memperluaskan rangkaian operasi Ar-Rahn. Operasi yang membawa masyarakat Islam keluar dari lingkaran dan cengkaman riba. Lingkaran dan cengkaman yang menidakkannya soal timbang rasa dan keadilan yang ditinggalkan oleh penjajah menerusi Sistem Ekonomi Kapitalis. Mengendalikan urusniaga mengikut syariat Islam bukan sekadar menonjolkan kehidupan Islam yang unik malahan Ar-Rahn secara langsung telah memainkan peranan dalam merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk terus MEMBANGUN BERSAMA ISLAM. Beliau mengucapkan syabas dan tahniah di atas dayausaha



yang telah dijalankan oleh pihak PKB terutamanya dengan Perasmian Pembukaan cawangan Pasir Mas.

Majlis ini telah turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta dif-dif jemputan.

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DERMASISWA

Tanggal 9 Syaaban 1423 bersamaan 16 Oktober 2002 yang lalu, majlis ringkas Penyampaian Sumbangan Dermasiswa telah diadakan. Majlis yang diadakan di Bilik Operasi, Tingkat 10 ini telah disempurnakan oleh Ybrs. Tuan Hj. Wan Adnan b. Wan Abdul Kadir, Timbalan Ketua Eksekutif (HEK).

Pada majlis ringkas ini, seramai lapan belas orang pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke Mesir dan Jordan telah diraikan. PKINK telah menghulurkan sedikit sumbangan kewangan kepada pelajar-pelajar tersebut. Biarpun ianya tak seberapa, namun diharapkan ianya dapat membantu keperluan semasa dan mendorong mereka agar terus tabah semasa di rantau. Kepada mereka semua di ucapkan Selamat Belajar dan Selamat Maju Jaya.



MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG DAN KHIDMAT LAMA ANGGOTA PKINK

Memiliki tenaga kerja yang berkualiti dan komited sememangnya menjadi hasrat dan matlamat semua organisasi. Dalam konteks ini PKINK tidaklah terkecuali. Peranan dan sumbangan anggota yang benar-benar berkualiti amatlah perlu demi untuk mewarnai kegemilangan dalam perkhidmatan kerana ianya merupakan catalyst yang akan menyokong dan menyumbang secara langsung ke arah kemajuan sesebuah organisasi. Menyentuh soal kualiti dan pencapaian prestasi yang menentukan tahap kecemerlangan anggota-anggota sentiasa diberi perhatian. Setiap ketua bahagian telah membuat penilaian menyeluruh terhadap semua anggota dibawah penyeliaan mereka. Anggota-anggota yang benar-benar perform serta memenuhi beberapa kriteria telah dicalonkan kepada Panel Penilaian Gaji (PPG) bagi penganugerahan khidmat cemerlang.

Hasilnya pada 15 Ramadhan 1423 bersamaan 20 November 2002, anggota-anggota yang dianugerahkan perkhidmatan cemerlang bagi tahun 2000, 2001, 2002, telah menerima anugerah masing-masing. Sembilan orang anggota yang dianugerahkan pergerakan gaji secara melintang menerima insentif berupa sebulan gaji. Sijil Simpanan Premium bernalil RM 300.00, barang bernilai RM 300.00 serta sijil penghargaan. Mereka ialah:-

1. En. Wan Azizan Wan Yaacob
2. En. Azahari Yaakub
3. YM. Tuan Seman Ku Muda
4. Tn. Hj. Mohd. Suhaimi Hussin
5. Tn. Hj. Abdullah Che Husin
6. Pn. Nor Asiah Wan Ismail
7. Pn. Hjh. Rumelah Abdullah
8. Tn. Hj. Mohd Hanafi Ibrahim
9. Tn. Hj. Mat Nawi Hassan

Seramai lima belas orang anggota lagi telah dianugerahkan pergerakan gaji secara menegak. Mereka menerima pemberian insentif berupa setengah bulan gaji. Sijil Simpanan Premium bernalil RM 300.00, barang bernilai RM 300.00 dan sijil penghargaan. Mereka ialah :-

1. Tn. Hj. Abas Salleh
2. En. Ahmad Nazri Ismail
3. En. Malek Sidek
4. Pn. Hjh. Siti Zubaidah Harun
5. En. Nik Ab. Kadir Nik Hussain
6. Tn. Hj. Zaim Abdullah
7. En. Hussin Hj. Ahmad
8. En. Hashim Yaacob
9. En. Mohd Asri Ismail
10. Pn. Nazumi Md. Arus
11. En. Zainal Ab. Rahim
12. Tn. Hj. Mohamad Razali Deraman
13. En. Rahmat Hassan
14. Pn. Nisah Mat
15. Pn. Norlela Abdullah

Pada majlis yang sama, seramai lima belas orang anggota yang telah berkhidmat di PKINK selama 18 tahun telah menerima Anugerah Khidmat Lama berupa barang bernilai RM 500.00 dan sijil penghargaan. Mereka ialah:-

1. Tn. Hj. Mohd Noor Yusoff
2. En. Wan Hassan Wan Omar
3. Hjh. Cik Robiah Wan Ahmad
4. Pn. Norlela Abdullah
5. Pn. Nik Rodziah @ Nik Noorazita Ab. Jalil
6. En. Hashim Yaacob
7. En. Mat Leh Seman
8. Tn. Hj. Nik Mohamad Kamal Nik Yusoff
9. Pn. Norjihan Hj. Othman
10. En. Wan Hussin Wan Ismail
11. En. Nik Ab. Kadir Nik Hussain
12. Pn. Noorha Mohd Zain
13. Pn. Azmiah Yusoff
14. Che Alias Ali
15. Pn. Hjh. Wan Mahizan Wan Ahmad

Pihak Pengurusan dan seluruh warga kerja PKINK mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima anugerah. Diharapkan anda semua akan terus setia bersama PKINK dan lebih cemerlang pada masa akan datang.



BUKU BUDAYA KERJA CEMERLANG DILANCARKAN DI MAJLIS PENUTUP PROGRAM DAN BERBUKA PUASA



MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Hasrat yang diiringi dengan usaha tekun tanpa mengenal erti sukar dan jemu ternyata mempermudahkan laluan untuk meraih kejayaan sebagaimana yang diharapkan. Dipanjatkan berbanyak-banyak syukur ke hadrat Allah S.W.T dan dikalungkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada ahli-ahli Kelas Siti Khadijah yang telah berjaya menamatkan pengajian Al-Quran dan dikhathamkan beramai-ramai di Bilik Mesyuarat Tingkat 9 pada 20 Syaaban 1423 bersamaan 27 Oktober 2002 yang lalu. Berkat dari kesungguhan ahli yang dibimbing oleh Ustazah Diwi Zarina bt. Othman, mereka semua tidak mengambil masa yang panjang untuk mendahului rakan-rakan lain. Syabas kepada :

1. Datin Hjh. Norsiah Musa
2. Hjh. Wan Mahizan Wan Ahmad
3. Hjh. Wan Haliza Wan Ali
4. Hjh. Siti Zubaidah Harun
5. Hjh. Siti Khadijah Omar
6. Hjh. Rumelah Abdullah
7. Pn. Che Mas Mat Dahan

PKINK telah memulakan Kelas Bimbingan Qiraati Al-Quran kepada anggota-anggota pada 19 Februari 2001. Menggunakan khidmat tenaga pengajar dari Pusat Bimbingan Qiraati Al-Hidayah, anggota-anggota yang

Program Kurikulum Pembangunan Insan (KPI) yang dilancarkan pada 2 Julai 2000 telah tamat pada 3 November 2002. Program ini yang dianjurkan dengan kerjasama dari Institut Latihan Perkaderan dan Dakwah Islamiah Malaysia (ILHAM) telah dilaksanakan dalam tiga peringkat. Sepanjang program ini berlangsung, seramai 198 orang pegawai dan anggota PKINK telah mengikutinya dengan jaya. Program ini meliputi ceramah-ceramah menerusi 18 kertas kerja yang telah disediakan dan disampaikan oleh penceramah-penceramah berpengalaman dari ILHAM.

Anggota-anggota kumpulan yang mengikuti program ini, nampaknya lebih memahami dan lebih terbuka ke arah pembentukan aspek Ubudiyah iaitu pengabdian dalam konteks kerja dan penuntutan tanggungjawab terhadap organisasi yang dianggotai dan didokong. Keber tanggungjawaban setiap anggota juga telah menunjukkan peningkatan yang cukup menggembirakan. Ramai anggota telah menunjukkan minat untuk mencemerlangkan diri menepati kehendak-kehendak Islam yang sejajar dengan profesionalisme seseorang muslim.

Usaha-usaha lanjut telah dibuat dimana kertas kerja-kertas kerja yang dibentangkan disepanjang program ini telah dibukukan. Buku ini telah dilancarkan secara rasmi oleh YAB. Tuan Guru Dato Menteri Besar Kelantan pada 5 Ramadhan 1423 pada majlis perasmian penutupan program serta majlis berbuka puasa. Tuan Hj. Hanifa Ahmad Ketua Eksekutif Kumpulan dalam ucapan aluan di majlis tersebut telah melahirkan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri di atas sokongan mereka terhadap program ini. Beliau juga berterimakasih kepada pihak ILHAM yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan program ini. Beliau menambah kata bahawa buku yang dilancarkan ini pasti dijadikan bahan bacaan dan rujukan pada masa akan datang. YAB. Tuan Guru Dato Menteri Besar telah menyampaikan ucapan penutup, melancarkan buku tersebut yang kemudiannya disampaikan kepada Ahli-Ahli Exco yang hadir.

Majlis pelancaran tersebut tamat hampir jam 6.55 petang dan diikuti dengan majlis berbuka puasa.

mengikuti pengajian telah dikategorikan kepada 6 kelas iaitu kelas Saidina Abu Bakar, Saidina Omar dan Saidina Ali untuk anggota lelaki manakala anggota wanita telah ditempatkan di kelas Siti Khadijah, Siti Aishah dan Siti Hajar. Penganjuran kelas pengajian ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan negeri untuk memperkembangkan budaya membaca Al-Quran serta menjadikan anggota kerajaan sebagai anggota yang celik Al-Quran.

Semoga kejayaan yang dicapai dapat mendorong rakan-rakan lain untuk terus mengikuti kelas hingga keakhirnya.



LAPORAN LAWATAN KERJA DAN PAMERAN ANTARABANGSA THE 5TH FLORIADE WORLD HORTICULTURE EXHIBITION DI AMSTERDAM

Sempena dengan pameran tersebut Kerajaan Negeri Kelantan telah dijemput oleh Kementerian Pertanian melalui FAMA untuk mengambil bahagian di dalam pameran yang diadakan 10 tahun sekali mulai 1hb. April 2002 hingga 31hb. Oktober 2002 selama 6 bulan di Amsterdam, Holland.

Tujuan pameran tersebut untuk memperkenalkan negara masing-masing di samping memperkenalkan kebudayaan dan juga hasil-hasil pertanian, pengeluaran setiap negara peserta. Pihak Malaysia pula telah diwakili oleh beberapa buah negeri termasuk Kelantan dan tidak ketinggalan juga pihak-pihak swasta juga telah mengambil bahagian yang sama di sepanjang tempoh itu. Bagi Negeri Kelantan penyertanya adalah selama lima hari bermula dari 20hb. September hingga 25hb. September 2002. Pihak Kerajaan Negeri telah membawa beberapa produk tempatan yang terdiri daripada batik, songket dan Perak sebagai asas memperkenalkan produk-produk Kerajaan Negeri Kelantan dan maklumat-maklumat mengenai pertanian dan peluang-peluang pelaburan yang boleh dilaburkan oleh pihak pelabur yang menyertai pameran tersebut. Dalam hal ini pihak Kerajaan Negeri melalui PKINK dan UPEN secara khusus telah memperkenalkan peluang-peluang pelaburan di kawasan perikanan Tok Bali dan pembangunan di Tanah Tinggi Lojing.

Dengan kesempatan itu juga rombongan yang diketuai oleh YB Pengurus Pertanian, Pembangunan Masyarakat dan Industri Desa Negeri Kelantan bersama-sama dengan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dan beberapa pegawai-pegawai dari UPEN, FAMA dan KPKB sempat bertemu dan berbincang dengan YB Menteri Pertanian Malaysia yang telah merasmikan Hari Malaysia di pameran tersebut pada 24 hb. September 2002 dan berjumpa dengan tetamu-tetuam Kerajaan Malaysia yang menghadiri perasmian tersebut dan memberi penjelasan mengenai peluang-peluang yang ada untuk pelaburan di Negeri Kelantan.

Selain dari menyertai pameran tersebut, lawatan juga telah diatur oleh pihak Kedutaan Malaysia melalui MATRADE untuk melawat beberapa kawasan di sekitar Amsterdam iaitu pelabuhan perikanan dan Netherlands Fish Auction Market IJmuiden B.V. Pihak rombongan telah diberi penerangan oleh





Mr. John Shiling, Manager of Auction Centre di samping melawat sekitar pelabuhan dan melihat kerja-kerja bagi kawasan pelelongan ikan. Pihak rombongan juga telah dibawa melawat ke International Flower Auction Market di Almere di mana ahli-ahli rombongan dapat meninjau perusahaan dan industri penanaman bunga yang terdapat di Holland yang merupakan satu pusat pelelongan bunga yang terbesar di dunia. Pihak rombongan juga mengambil kesempatan untuk melawat pelabuhan terbesar di dunia iaitu Pelabuhan Rotterdam.



Dari Amsterdam pihak rombongan juga berlepas untuk melawat ke Morroco pada 25hb. September 2002. Di Morroco rombongan melawat Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Morroco dan telah membuat kunjungan hormat dengan Ketua Setiausaha Kementerian iaitu Hassan Benabderrazik di bandar pentadbiran iaitu di Rabat. Semasa pertemuan selama setengah jam itu pelbagai isu telah dibincangkan terutama yang berkaitan dengan pertanian. Pihak Ketua Setiausaha telah membangkitkan mengenai pengeluaran Malaysia yang sebahagian besarnya dibeli melalui Singapura di mana harganya didapati lebih murah daripada dibeli terus dari Malaysia. Pihak Ketua Setiausaha telah diberi penerangan mengenai kedudukan Negeri Kelantan dan khususnya mengenai pengeluaran pertanian daripada Kelantan dan menerangkan bahawa Negeri Kelantan kekuatannya juga di dalam bidang pertanian dan pemerintahannya di dokong oleh sebuah kerajaan yang dipimpin oleh seorang pemimpin Islam iaitu Tn. Guru Dato Hj. Nik Abd. Aziz bin Nik Mat selaku Menteri Besar (Chief Minister).



Dengan kerjasama pihak Kementerian Pertanian dan Luar Bandar Morroco dan Kedutaan Malaysia di Rabat, beberapa lawatan telah diadakan di samping perjumpaan dengan pegawai-pegawai SODEA atau Society De Development Agricole yang ada asasnya boleh disamakan dengan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) tetapi organisasi ini merupakan organisasi peringkat kebangsaan. Pihak rombongan telah dibawa ke beberapa tempat projek pertanian yang dikendalikan oleh SODEA termasuk kilang yang mengetin sayur-sayuran dan eksport untuk pasaran luar negara. Selain dari melawat projek-projek pertanian yang dikendalikan oleh SODEA, pihak rombongan juga telah melawat Pasar Borong Tani dan telah diberi penerangan oleh Mostafa Ladzim, Director of Marche De Gros Des Legume et Fruits de Casablanca. Pasar borong ini mempunyai 250 stor yang besar dan mengendalikan 1,300 buah lori setiap hari dengan barang-barang sebanyak 1 juta tan yang melibatkan 20,000 orang berada di pasar borong ini. Pasar borong ini dikendalikan oleh 350 orang kakitangan dengan pelbagai kemudahan seperti polis, bank, telefon dan sebagainya. Setiap lori yang memasuki kawasan ini dikenakan cukai 6% daripada nilai barang.



Pihak rombongan juga telah di bawa melawat pelabuhan perikanan di Casablanca dan juga telah diberi penerangan mengenai perjalanan pelabuhan oleh pihak pengurusan Pelabuhan Casablanca yang terletak kira-kira 2 km dari Masjid King Hassen II di mana pihak rombongan telah menunaikan Solat Jumaat di Masjid tersebut.

Sempena dengan pameran dan lawatan kerja ini, pihak Kerajaan Negeri ingin merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak-pihak yang telah menyelaras lawatan Kerajaan Negeri khususnya pihak FAMA Persekutuan, Kementerian Luar, MATRADE dan pegawai-pegawai di Kedutaan Malaysia di Holland dan juga Morroco yang telah banyak membantu dan membolehkan rombongan membuat lawatan ke tempat-tempat yang sememangnya memerlukan kerjasama yang baik dari pihak Kedutaan-Kedutaan Malaysia.

CERAMAH KHAS KEDATANGAN RAMADHAN

Ramadhan, kami nanti akan hadir mu dengan penuh rasa kasih, kehambaan yang redha dan penuh luhur. Bagi menyambut kedatangan bulan Ramadhan, bulan yang penuh dengan keberkatan dan limpahan rahmat Allah s.w.t., PKINK telah mengadakan satu ceramah khas pada hari Selasa, 29 Syaaban 1423 bersamaan 5 November 2002 bertempat di Bilik Operasi, Tingkat 10 dan telah dihadiri oleh hampir keseluruhan anggota PKINK. Dalam konteks melepas dan mengungkap pelbagai hikmah dan keistimewaan yang tersembunyi dalam Ramadhan, YBhg. Dato' Hj. Mohd. Shukri Muhammad, Timbalan Mufti Negeri Kelantan telah diundang selaku penceramah jemputan.

Antara isi kandungan atau intipati ceramah yang dapat dijadikan iktibar atau garis panduan dalam mengerjakan ibadat disepanjang bulan Ramadhan terutamanya ibadat rukun iaitu puasa ialah :-

- Berpuasa yang sebenar-benarnya akan mendapat ganjaran pahala yang berganda-ganda kerana kita mampu mentaati perintah Allah s.w.t. memandangkan kita semua sebenarnya Abdullah iaitu hamba Allah.
- Dari sudut kesihatan, berpuasa juga dengan secara langsung akan berperanan menjana tahap kesihatan yang lebih baik. Berpuasa akan merehatkan organ-organ tertentu dalam badan kita. Sebaliknya memberi peluang kepada organ-organ tersebut untuk memainkan peranan atau fungsi yang berbeza seperti membakar lemak-lemak yang terkumpul dalam badan kita. Sesungguhnya ini semua bertepatan kerana maksud Ramadhan itu sendiri adalah membakar.
- Kebaikan daripada mengerjakan ibadat puasa hendaklah diinterpretasi ke dalam kehidupan harian terutamanya kerja dan tanggungjawab. Puasa tidak harus dijadikan satu excuse untuk menjadikan kita lebih mundur atau terkebelakang. Apa yang boleh memundur dan melemahkan kita adalah kekuatan nafsu yang mengalahkan akal. Perkara-perkara negatif boleh dihindari dengan berkata Aku berpuasa.



- Apabila dilakukan dengan mengikut rukun atau kaedah yang betul bersama-sifat yang benar-benar insaf, ibadat puasa dengan secara langsung akan mampu menjadikan kita semua:-
 - Lebih beriman dan bertakwa kepada Allah s.w.t.
 - Memperbanyak ilmu dan pengetahuan
 - Mempertingkatkan kemahiran
 - Lebih sopan dan tertib dalam melakukan kerja
 - Lebih bijak serta mahir merancang
 - Lebih gigih serta tabah dalam menghadapi dugaan

Kita semua hendaklah menjadikan amalan puasa sebagai perangsang untuk mempertingkatkan jatidiri sebagai seorang muslim yang seterusnya mampu merebakkan amal makruf serta nahi mungkar di kalangan masyarakat. Sesungguhnya seseorang individu tidak berupaya atau terdaya untuk membawa perubahan. Budaya memperbelakukkan kesilapan seharian adalah digalakkan tetapi ia hanya hendaklah dilakukan secara berhemat dan mengikut peraturan. Penguatkuasaan undang-undang dalam mengatasi kesilapan boleh dijadikan sebagai langkah terakhir.

Pada kesimpulannya begitulah juga hubungan dan kedudukan kita para hamba di sisi Allah s.w.t. sebagai pencipta. Perbaiki kedudukan dan hubungan tersebut dengan mempertingkatkan pendidikan iaitu mendidik hati sendiri agar sentiasa redha dan luhur seadanya.



CENDERAHATI HARI RAYA UNTUK ANGGOTA

Pemberian cenderahati hari raya merupakan tanda penghargaan pihak pengurusan kepada anggota. Pada tahun-tahun kebelumnya anggota-anggota PKINK telah diberikan kek dan biskut raya. Bagi menyambut kedatangan 1 Syawal 1423 sebagai hari kemenangan yang amat istimewa, pihak pengurusan telah bermurah hati untuk memberikan hamper kepada para anggota. Sedikit kelainannya ialah hamper ini tidak ditempah di pasaran.

Anggota-anggota PSM telah diberikan tanggungjawab untuk mengenalpasti barangang yang sesuai, dibeli secara borong dan urusan pembungkusan pastinya dibuat secara gotong royong. Tanpa pengalaman untuk berbuat demikian namun bila dilakukan beramai-ramai ia hanya menjadi meriah bahkan kelebihan berpuasa tidaklah terasa. Walaupun dengan pemberian yang tak seberapa diharapkan semua anggota akan bergembira pada hari raya ini.

MBJ ANJURKAN PERJUMPAAN DENGAN AHLI

Majlis Bersama Jabatan (MBJ), yang baru diaktifkan semula telah mula mengorak langkah secara aktif. Sejajar dengan peranannya sebagai badan perantaraan atau perhubungan antara majikan dan pekerja, Ahli-ahli Jawatankuasa telah mengadakan beberapa siri perjumpaan dan perbincangan serta kegiatan yang mampu mempertingkatkan hubungan dan persefahaman antara anggota dan pihak pengurusan.

Pada 7 Syaaban 1423 bersamaan 14 Oktober 2002, bertempat di Bilik Operasi, Tingkat 10, MBJ telah mengadakan perjumpaan khas yang membabitkan semua anggota dan Jawatankuasa MBJ. Selain bertujuan untuk memaklumkan kepada anggota tentang hasil yang dicapai menerusi perbincangan yang telah diadakan dengan pihak pengurusan, perjumpaan ini juga turut memberikan taklimat yang lebih jelas mengenai Skim Saraan Malaysia (SSM) yang baru diperkenalkan.



Memulakan perjumpaan kali ini, En. Rusli Ismail selaku Pengurus MBJ (Anggota) telah memberikan taklimat mengenai tindakan yang telah diambil setakat ini, ianya merangkumi pandangan dan rungutan dari anggota yang telah dipanjangkan kepada pihak pengurusan untuk perbincangan serta pertimbangan. YBhg. Datuk Norsiah Musa menyusul selepas itu dengan memperincikan keputusan-keputusan yang telah dicapai berikutnya perjumpaan AJK MBJ dengan pihak pengurusan.

Kekurusan mengenai Skim Saraan Malaysia (SSM) kian terurai. En. Ahmad Nazri dan En. Ahmad Hilmie dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah memperjelaskan tentang perubahan skim gaji berikutan perlaksanaan SSM. Penerangan diberikan tertumpu kepada struktur baru gaji di bawah SSM, Skim-Skim Perkhidmatan SSM dan juga Pengenalan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) setiap anggota dalam SSM. Sesi soal jawab berhubung dengan SSM ini turut diadakan selepas penerangan ringkas dan di kendalikan oleh Hj. Baharuddin bin Harun (Pengurus Sumber Manusia). Majlis ini diakhiri pada kira-kira jam 1.00 tengahari dengan makan tengahari bersama.

PROGRAM PENGHAYATAN RAMADHAN



Bulan Ramadhan bertandang lagi, mengajak umat Islam agar menunaikan Rukun Islam ketiga ini yang telah dijanjikan Allah dengan ganjaran yang besar. Setiap umat Islam wajib menunaikannya dan berbahagialah mereka setelah kewajipan terlaksana. Juga beruntunglah mereka yang mendapat rahmat Allah di atas keikhlasan ibadah yang dilakukan.

Bulan Ramadhan ini merupakan bulan yang mengandungi serbu hikmah kepada umatnya. Ianya merupakan bulan kesabaran dan ganjaran kesabaran itu ialah Allah menjanjikan rahmat yang berganda.

Tidak ketinggalan juga warga PKINK telah membuat persiapan untuk menyambutnya. Pihak Pengurusan Sumber Manusia telah mengadakan Program Penghayatan Ramadhan sepanjang bulan Ramadhan ini. Bermula jam 8.15 pagi santapan rohani, ianya mengambil masa selama 15 minit, manakala pada pukul 8.30 pagi, Sembahyang Sunat Dhuha berjemaah bertempat di Surau Tingkat 6, Bangunan PKINK.

Pada pukul 12.00 tengahari program diteruskan lagi dengan Tadarus Al-Quran dan Terjemahan. Program tadarus telah di pimpin oleh tenaga pengajar dari Ma ahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong.

Sumbangan berupa wang ringgit telah dihulurkan kepada pihak yang memerlukan terutamanya balu-balu anggota dan masyarakat miskin.

Dengan adanya program penghayatan Ramadhan ini diharap dapat meningkatkan kualiti iman dalam diri kita. Semoga bulan Ramadhan ini dapat kita sama-sama dapat mendekati diri kepada Allah s.w.t. Insya-Allah.

PERDANA RESORT ADAKAN PROGRAM GOTONG-ROYONG

Di mana ada kemahuan, pastinya ada jalan untuk mencipta kejayaan. Menyedari hakikat inilah maka pihak pengurusan Perdana Resort telah merangka program perbaikan secara gotong-royong. Program gotong royong ini memberi keutamaan terhadap kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kerosakan fizikal yang mana ianya tidak begitu menitikberatkan soal kepakaran.

Pada tanggal 14 Rejab 1423, program golong-royong yang telah dirancang dengan cukup teliti telah dilancarkan. Buat permulaan, gotong-royong ini menumpukan kepada kerja-kerja pembaikan slab (laluan tetamu chalet). Seramai lebih 30 orang anggota termasuk Ketua-ketua Jabatan telah turun padang dan turut berganding bahu demi menjayakan program tersebut. En. Zainal Abidin Husin Penolong Pengurus Eksekutif Perdana Resort semasa melancarkan program berkata, dengan melakukan kerja-kerja penyelenggaraan secara gotong-royong seumpama ini ribuan ringgit kos penyelenggaraan telah dapat dijimatkan. Sebelum ini pihak pengurusan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang agak tinggi bagi tujuan tersebut.

Apabila dilihat dari segi komitmen terhadap organisasi, program ini ternyata melambangkan sikap dan rasa tanggungjawab para anggota. Sekiranya dilihat dari sudut hubungan kemanusiaan pula, ternyata program ini penuh dengan nilai-nilai murni. Persefahaman dan keakraban antara pihak pengurusan dan anggota dapat dipertingkatkan. Tiada jurang pemisah yang membezakan mereka lantaran hasrat pencapaian kecemerlangan organisasi dapat diteruskan bersama dengan semangat setiaawan yang tinggi dan saksama.

Pihak pengurusan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua anggota yang terbabit. Program seumpamanya akan menyusul dalam tempoh terdekat. Insya Allah.



SESI TAKLIMAT DAN LATIHAN PEMBIMBING • PROGRAM USAHAWAN MUDA 2002



PKINK yang telah dilantik oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (KPUn) sebagai sekretariat Program Usahawan Muda (PUM) peringkat negeri Kelantan sejak tahun 1996 telah berjaya memantau serta melaksanakan berbagai program sokongan bagi memastikan PUM terus berkembang sebagaimana yang dirancang. Bagi menambahkan kemahiran serta kecekapan guru-guru pengelola serta para penasihat PUM, PKINK telah menganjurkan Latihan Pembimbing PUM Tahap 2 pada 30 September 2002 bertempat di Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu. Turut hadir dimajlis tersebut adalah En. Abdul Kadir Othman (Penolong Pengarah Pendidikan, Yayasan Islam Kelantan).

Latihan 4 hari tersebut yang bermula dari jam 8.30 pagi hingga 11.00 malam telah dihadiri oleh 31 orang guru pengelola dan 8 orang pegawai penasihat dari sekolah yang terpilih untuk mengikuti program tersebut. Pelbagai ceramah telah dirangka bagi memberi pengetahuan serta persediaan kepada guru-guru pengelola dan para penasihat bagi melaksanakan program ini di sekolah masing-masing seperti Pengurusan Perniagaan Yang Berjaya, The Art of Selling/Negotiation Skill, Penyediaan Pelan Pemasaran Strategik, Perhubungan Pelanggan, Penyediaan Pelan Kewangan Strategik, Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) dan Pembentangan & Penilaian Projek. Ceramah-ceramah tersebut telah disampaikan oleh pensyarah dari Politeknik Kota Bharu. Seorang penceramah jemputan juga dijemput khas bagi berkongsi pengalaman dengan para peserta.

Dalam majlis penutup, Tuan Hj. Mohamad Alwi Ya, Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK dan juga Ustaz Mansor Hj. Daud, Timbalan Pengarah YIK telah menyampaikan ucapan serta menyampaikan sijil kepada para peserta.

SAMBUTAN HARIJADI - PENGHARGAAN KEPADA ANGGOTA

Ada ubi ada batas. Jasa dan bakti pastinya dibalas. Sebagai tanda penghargaan malahan bagi menyemarak serta menyuburkan ikatan silaturahim antara pihak pengurusan dan anggota, Perdana Resort telah mengadakan majlis sambutan hari jadi untuk anggota-anggotanya yang lahir pada bulan Julai, Ogos dan September. Majlis yang bermula pada jam 3.00 petang ini telah diadakan pada 6 Syaaban 1423 bertempat di Dewan Selayang.

Majlis seumpama ini bukanlah julung kali diadakan malahan ianya diadakan setiap tiga bulan. Apapun keadaannya, majlis pada kali ini menjadi lebih bermakna dan menggembirakan anggota yang diraikan kerana ianya telah diserikan lagi dengan kehadiran Pengurus dan Ahli Lembaga Pengarah Perdana Resort iaitu YB. Tuan Hj. Apandi Mohamed dan YB. Drs. Zainuddin Awang Hamat.



YB. Tuan Hj. Apandi Mohamed ketika berucap dalam majlis yang dihadiri lebih 50 orang anggota yang diraikan telah membuat saranan agar pihak pengurusan meneruskan program ini pada masa akan datang. Selain daripada satu kebijakan, program ini menjurus kepada peningkatan prestasi anggota kerana mereka merasa amat dihargai dan diperlukan. Sebaliknya beliau turut menggesa agar semua anggota Perdana Resort supaya sentiasa bersatu hati dan mempertingkatkan persefahaman antara satu sama lain supaya hasrat dan usaha untuk mencapai kejayaan yang lebih gemilang akan tercapai. Pada majlis tersebut YB. Tuan Hj. Apandi, YB. Drs. Zainuddin dan En. Zainal Abidin selaku Penolong Pengurus Eksekutif telah sama-sama memotong kek hari jadi bersama anggota yang diraikan yang kemudiannya menjamu selera dengan juadah yang disediakan oleh pihak pengurusan.

Semoga rezeki yang sama-sama dinikmati akan mendapat keredhaan dan keberkatan Allah hendaknya.

KURSUS ASAS BELIA NIAGA 2002

Ilmu dan kemahiran merupakan antara beberapa elemen penting dalam pengurusan sesebuah entiti perniagaan. Dalam hal ini, proses mentaribahkan individu yang berhasrat menjadi usahawan yang cekap, produktif dan berdaya maju perlu diorientasikan dengan kaedah ilmiah yang menjadi prasyarat bagi memulakan sebarang perniagaan.

Selaras dengan komitmen bagi membantu meningkatkan lebih ramai golongan belia menceburti bidang perniagaan, Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK telah menganjurkan Kursus Asas Belia Niaga 2002 pada 23 September hingga 26 September 2002 bertempat di Kompleks Belia Negeri, Panji, Kota Bharu. Kursus ini yang dianjurkan setiap tahun berkonsepkan pentaribahan para belia yang berhasrat menjadi usahawan yang cekap, produktif dan berdaya maju disamping menambahkan pengetahuan mereka dalam aspek-aspek penting yang menjadi asas dalam pengoperasian sesebuah entiti perniagaan.

Kursus 4 hari tersebut telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di mana seramai 42 orang peserta yang kebanyakannya terdiri dari belia yang telah menceburti bidang perniagaan telah awal-awal lagi mendaftarkan diri. Dan jumlah tersebut, 13 orang adalah peserta wanita.

Pihak sekretariat telah menyediakan modul kursus yang agak padat bermula dari jam 8.30 pagi sehingga 11.00 malam. Aktiviti riadah diwajibkan pada waktu petang untuk kecerdasan jasmani. Topik-topik yang telah dibentangkan adalah Mengenalpasti dan Memilih Peluang Perniagaan, Kaedah Penyediaan Rancangan Perniagaan, Rancangan Operasi Perniagaan, Rancangan Pemasaran, Parakaunan Syarikat, Keusahawanan Dari Perspektif Islam serta Motivasi Keusahawanan. Program Qiamullai juga turut diadakan.

Sepanjang penganjuran kursus, para peserta telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya bagi menjayakan program-program yang disusun. Ini jelas menunjukkan mereka amat berpuashati dengan modul kursus yang akan membolehkan mereka mempraktikkannya di dalam perniagaan masing-masing. Mereka juga berharap agar kursus-kursus seperti ini dapat diadakan lagi di masa depan.

Majlis penutup dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Ybrs. Tuan Hj. Mohamad Alwi bin Ya, Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK.



KARNIVAL BATIK & KRAF • KELANTAN 2002


Jika dikaji semula, industri batik dan kraf banyak memberikan sumbangan yang ketara terhadap ekonomi Malaysia khususnya negeri Kelantan. Ianya telah menjadikan satu produk tarikan pelancong dalam dan luar negeri. Keunikan corak dan warna batik membuatkannya berbeza dengan lain-lain tekstil, malah batik telah pun muncul sebagai satu nilai tradisional sejak zaman berzaman lagi.

Salah sebuah badan yang telah diberi tanggungjawab bagi membantu para usahawan, Jawatankuasa Kecil Sumber Manusia Dan Pembangunan Usahawan Negeri Kelantan yang diketuai oleh Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan dan swasta di Kelantan seperti Perbadanan Kraftangan, UPEN, Persatuan Pembatik, TIC dan juga MARA telah menganjurkan Karnival Batik Dan Kraf Kelantan 2002 pada 8 hingga 14 September 2002 bertempat di Medan Usahawan di perkarangan Stadium Sultan Mohd. IV, Kota Bharu.

Karnival ini telah dirasmikan oleh YB Dato Hj. Ab. Halim Ab. Rahman Timbalan Menteri Besar Kelantan yang juga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia Dan Pembangunan Usahawan Negeri Kelantan. Turut menyampaikan ucapan Tuan Hj. Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif PKINK.

Sebanyak 30 unit booth bersaiz 10 x 10 telah dibina bagi digunakan sebagai ruang pameran oleh para peniaga. Booth-booth tersebut diperuntukan kepada 20 usahawan batik, 5 usahawan kraf, 1 usahawan bahan mentah, 1 Persatuan Batik dan selebihnya kepada agensi-agensi kerajaan (Perbadanan Kraftangan, PKINK). Di antara objektif penganjuran karnival ini ialah :-

- Membantu meningkatkan pemasaran dan jualan batik ke arah meningkatkan daya saing pengusaha
- Memberi peluang kepada semua pihak yang terlibat dalam industri batik untuk mempromosikan produk dan fungsi masing-masing
- Membantu pengusaha dan usahawan batik dalam memelihara perkembangan dan kemajuan industri batik tempatan
- Membantu mempromosikan Kelantan sebagai negeri pengeluar batik di Malaysia



Sepanjang 7 hari penganjuran karnival tersebut, booth-booth pameran sentiasa menjadi kunjungan terutamanya para pelancong dan bersesuaian pada musim cuti persekolahan.

ROMBAKAN ANGGOTA PENGURUSAN

Rombakan dan penempatan semula anggota adalah perkara biasa bagi mana-mana organisasi dan dalam konteks ini PKINK tidak terkecuali. Bagi memantapkan peranan dan sumbangan setiap bahagian, PKINK telah membuat rombakan kecil membabitkan pertukaran dan penempatan semula anggota pengurusan berkuatkuasa pada 27 Syawal 1423 bersamaan 1 Januari 2003.

Anggota-anggota yang terbabit dengan rombakan kecil ini ialah :-

NAMA	DARIPADA	KEPADA
Tn. Hj. Baharuddin Harun YBhg. Datin Norsiah Musa	Pengurus Sumber Manusia Pengurus Industri & IKS	Pengurus Industri & IKS Pengurus Sumber Manusia
Tn. Hj. Mohamed Ismail	Pen Pengurus Projek & Hartanah	Pengurus Besar Binaraya PKINK Sdn Bhd
Tn. Hj. Md. Sanusi Ismail	Pengurus Besar Binaraya PKINK Sdn Bhd	Pengurus Projek & Hartanah
En. Ahmad Nazri Ismail	Pen Pengurus Sumber Manusia	Pen Pengurus Projek & Hartanah
En. Rusli Ismail	Pen Pengurus Pembangunan Usahawan	Pen Pengurus Sumber Manusia
En. Asmadi Ab Rahman	Pen Pengurus Perancangan Korporat	Pen Pengurus Pembangunan Usahawan
Pn. Teh Mariam Mohamed	Bahagian Perundungan	Bahagian Perancangan Korporat

Sidang Editor Berita PKINK dan seluruh warga kerja PKINK mengucapkan selamat maju jaya kepada semua yang terlibat. Semoga sejahtera dalam mengemudi bahagian baru nanti.